

Dr. M ucap terima kasih kepada rakyat Malaysia

PUTRAJAYA, 1 Okt. 1997

Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengucapkan terima kasih kepada seluruh rakyat yang telah memberi kerjasama dan sokongan sehingga beliau dapat mengatasi segala cabaran selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri Malaysia keempat.

Bercakap pada sidang akhbar khas di hari terakhir sebagai Perdana Menteri, Dr. Mahathir turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang bersusah-payah menghantar ucap selamat kepada beliau dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

“Saya tidak dapat menjawab satu persatu. Untuk itu saya harap melalui saluran ini dapatlah saya menjawab kepada semua yang menghantar kad, sekolah-sekolah yang membuat kad besar dan menandatangani di atasnya, kain rentang dan sepanduk dan macam-macam

lagi yang menyatakan ucapan terima kasih kepada saya kerana khidmat yang telah saya berikan selama 22 tahun.

“Semua usaha ini memberi kepuasan kepada hati saya kerana inilah balasan yang lebih besar daripada apa-apa (penghargaan) yang lain,” katanya.

Sidang akhbar selama setengah jam yang diadakan sebelum solat Jumaat itu turut dihadiri oleh Dr. Siti Hasmah.

Pada sebelah petangnya, Dr. Mahathir dianugerahkan Darjah Kebesaran Persekutuan Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) yang membawa gelaran Tun dan Dr. Siti Hasmah dianugerahkan Seri Setia Mahkota (SSM) juga membawa gelaran Tun dalam satu upacara di Istana Negara.

Dr. Mahathir berkata, kejayaan beliau mentadbir negara sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri juga atas bantuan

rakyat, pegawai-pegawai kerajaan termasuk polis dan tentera yang menjalankan tugas secara profesional.

“Mereka tidak menyebelahi mana-mana pihak sebaliknya memberi khidmat kepada kerajaan pilihan rakyat,” katanya.

Beliau berharap kerjasama yang telah diberikan kepadanya dapat diteruskan kepada kepimpinan baru di bawah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ditanya rancangan selepas persaraannya, Dr. Mahathir berkata, beliau akan melakukan apa yang perlu tetapi sesuatu yang pasti ialah menulis catatan pengalamannya untuk dimanfaatkan sebagai rujukan.

Perdana Menteri juga memberitahu yang beliau dan isteri akan bercuti ke luar negara mulai esok.

Difahamkan ia percutian singkat ke Sepanyol dan dalam tempoh itu Dr. Mahathir juga akan

singgah di Jepun untuk memberi ucapan di sebuah universiti di negara itu.

Ketika ditanya sama ada beliau akan terus bersuara lantang selepas ini, Dr. Mahathir berkata: “Terpulang kepada keadaan. Saya menerima banyak undangan untuk berucap, dan apabila tiba masanya, saya akan berikan pendapat ikhlas saya tentang sesuatu perkara.”

Ditanya di mana beliau dan keluarga akan menyambut Hari Raya tahun ini, Dr. Mahathir berkata, ia belum ditetapkan.

“Ini adalah pertama kali dalam 22 tahun saya menyambutnya tanpa perlu bekerja pada hari itu,” katanya.

Di akhir sidang akhbar, Dr. Mahathir dan isteri dikerumuni wartawan yang hendak mendapatkan tandatangan serta bergambar dengan mereka berdua.